Soalan & Jawapan Berkaitan Skim Bantuan Jaminan PKS Sebanyak RM2 bilion

	Skim Bantuan Jaminan PKS
Ciri-ciri Utama Skim	
1. Apakah objektif Skim ini?	Bagi memastikan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) berdaya maju yang menerima kesan buruk akibat kelembapan ekonomi semasa akan terus mendapat akses kepada pembiayaan yang mencukupi. Dengan adanya perlindungan jaminan, adalah dijangka bahawa akses pembiayaan kepada PKS yang berdaya maju akan dipermudahkan, pada kos yang lebih berpatutan
2. Apakah yang diberikan oleh perlindungan jaminan?	Skim ini memberikan perlindungan jaminan untuk pembiayaan sebanyak RM2 bilion: • 80% perlindungan jaminan atas prinsipal dan faedah • Baki risiko sebanyak 20% akan ditanggung oleh institusi kewangan peserta
3. Siapakah yang layak untuk memohon Skim ini?	• PKS* dengan dana pemegang saham yang kurang daripada RM3 juta; • PKS yang bukan anggota gabungan atau anak syarikat GLC atau PLC; • PKS milik warganegara Malaysia (pemilikan saham sekurang-kurangnya 51%) yang menetap di Malaysia; dan • PKS yang menerima kesan buruk akibat kelembapan ekonomi semasa. * Definisi PKS seperti yang didefinisikan oleh Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan Definisi di atas juga boleh didapati di pautan berikut dalam Portal SMEinfo: http://www.smeinfo.com.my
4. Apakah kos bagi perlindungan jaminan?	Perlindungan jaminan ini akan diberi secara percuma kepada PKS dan kos perlindungan jaminan ditanggung sepenuhnya oleh Bank Negara Malaysia
5. Apakah kadar faedah/pembiayaan di bawah Skim ini?	Ditetapkan oleh institusi kewangan peserta

6. Di manakah Skim ini boleh didapati?	• Semua bank perdagangan; • Semua bank Islam; • Agrobank; • Bank Rakyat; • SME Bank; • EXIM Bank; dan • Bank Simpanan Nasional
7. Bilakah PKS boleh mendapatkan pembiayaan daripada Skim ini?	Dibuka dari 3 Februari hingga 31 Disember 2009 atau apabila jumlah pembiayaan sebanyak RM2 bilion diluluskan, yang mana terdahulu
8. Apakah kegunaan pinjaman yang dibolehkan di bawah Skim ini?	• Modal kerja • Pembiayaan projek • Perbelanjaan modal • **TIDAK** boleh digunakan untuk membiayai semula kemudahan kredit sedia ada
9. Apakah jenis kemudahan yang ditawarkan kepada pelanggan oleh institusi kewangan peserta? Bolehkah institusi kewangan peserta menawarkan overdraf dan kemudahan pinjaman perdagangan? Atau adakah ia Pinjaman Bertempoh semata-mata?	Di bawah Skim ini, institusi kewangan peserta mungkin menawarkan overdraf, kredit pusingan dan kemudahan pinjaman perdagangan di samping pinjaman bertempoh kepada pelanggan
10. Jumlah pembiayaan maksimum	• Agregat pembiayaan maksimum sebanyak RM500,000 bagi setiap PKS • Tiada jumlah pembiayaan minimum
11. Apakah tempoh pembiayaan maksimum bagi pinjaman?	Maksimum 5 tahun

12. Apakah bukti PKS menerima kesan buruk daripada kelembapan ekonomi semasa?	Terdapat banyak penunjuk kewangan dan operasi yang boleh digunakan sebagai bukti PKS menerima kesan buruk akibat kelembapan ekonomi semasa. Contohnya penurunan jualan atau penurunan kedudukan wang tunai PKS
<u>Isu Kewangan Lain</u>	
13. Adakah terdapat sebarang kuota pemberian pinjaman yang perlu dicapai oleh Skim ini?	Tiada. Semua PKS yang berdaya maju layak untuk memohon Skim ini, dan kelulusan permohonan pinjaman akan bergantung sepenuhnya pada kepercayaan kredit bagi PKS tersebut
14. Apakah yang boleh saya lakukan sekiranya permohonan pinjaman saya ditolak?	Anda boleh memohon di institusi kewangan peserta yang lain. Institusi kewangan peserta yang berbeza mempunyai syarat-syarat kelayakan yang berbeza-beza
15. Apakah yang boleh saya lakukan sekiranya bank menolak permohonan saya tanpa sebarang alasan yang munasabah?	Semua bank dikehendaki oleh Bank Negara Malaysia untuk memberitahu pemohon sebab penolakan. Sekiranya permohonan anda ditolak tanpa sebab, anda boleh menghubungi pusat berikut di Bank Negara Malaysia untuk mengemukakan aduan: **BNMLINK (Pusat Perkhidmatan Pelanggan)** Tingkat Bawah, Blok D, Bank Negara Malaysia Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur (Waktu Urusan: Isnin hingga Jumaat, 9.00 pagi hingga 5.00 petang) **BNMTELELINK (Pusat Perhubungan Pelanggan)** Tel: 1-300-88-5465 atau 1-300-88-LINK Faks: 03-2174 1515 E-mel: bnmtelelink@bnm.gov.my
16. Adakah terdapat sebarang tempoh moratorium?	Ditetapkan oleh institusi kewangan peserta

17. Berkaitan dengan penyeteman (stamping) dokumen guaman, adakah perlu untuk menyetemnya pada ad valorem atau bolehkah ia disetemkan pada nilai nominal, dan adakah PKS perlu menanggung bayarannya?	• Penyeteman dokumen guaman ditentukan oleh pejabat setem dan bukan oleh Bank Negara Malaysia • PKS perlu menanggung bayaran penyeteman
18. Apakah definisi dana pemegang saham?Adakah ia hanya modal berbayar atau mengambil kira modal saham campur untung tertahan?	Dana pemegang saham ialah jumlah modal berbayar dan untung tertahan
19. Adakah institusi kewangan peserta dibenarkan mengenakan caj yuran guaman dan duti setem?	Ya. PKS perlu menanggung yuran guaman dan duti setem bagi dokumentasi pinjaman
20. Bolehkah PKS yang mendapat bantuan pinjaman Kerajaan sedia ada memohon Skim ini?	Ya. Tiada sekatan bagi PKS yang mendapat bantuan pinjaman Kerajaan sedia ada untuk memohon Skim ini bagi mendapatkan pembiayaan tambahan, selagi institusi kewangan peserta menganggap pemohon mempunyai keupayaan menanggung hutang yang lebih tinggi
21. Bolehkah PKS memohon Perlindungan Jaminan di bawah Skim ini bagi meningkatkan perlindungan kepada pinjaman tajaan Kerajaan yang sedia ada?	Tidak. Skim ini hanya boleh memberikan perlindungan jaminan kepada pinjaman yang sumber dananya daripada institusi kewangan peserta
22. Adakah had agregat maksimum yang ditetapkan dalam Skim termasuk dana PKS terdahulu yang diberikan kepada pelanggan? Contohnya, FSMI2 (TIKS2), NEF2 (TUB2)?	Tidak, had agregat maksimum Skim ini adalah tersendiri (standalone basis) dan tidak mengambil kira jumlah pinjaman lain yang telah diambil

23. Adakah pelanggan baharu yang menghadapi masalah aliran tunai layak untuk Skim ini? Atau adakah ia hanya untuk pelanggan bank yang sedia ada?	Ya, skim ini dibuka kepada semua pelanggan yang mempunyai perniagaan berdaya maju termasuk yang mempunyai masalah aliran tunai
24. Terdapat had maksimum RM500,000 bagi setiap PKS di bawah Skim ini. Adakah ini bermakna PKS boleh memohon daripada lebih dari satu bank selagi ia dalam had maksimum RM500,000?	• Ya. Namun mungkin terdapat beberapa kes pelanggan memohon pembiayaan di bawah Skim ini daripada beberapa buah bank secara serentak. Sekiranya jumlah permohonan melebihi pembiayaan maksimum yang dibenarkan bagi setiap pelanggan, CGC akan meluluskan berdasarkan yang mana dahulu sampai kepada CGC. Permohonan seterusnya akan ditolak • Sekiranya jumlah permohonan masih dalam had pembiayaan maksimum yang dibenarkan, CGC akan berunding dengan pembiaya seterusnya, sama ada mereka masih mahu memberikan pembiayaan walaupun pelanggan tersebut telah mendapat pembiayaan daripada institusi kewangan yang lain
25. Apakah struktur dan syarat pembayaran balik di bawah Skim ini?	• Institusi kewangan peserta akan mengikut budi bicara mereka menentukan syarat pembayaran balik. Walau bagaimanapun, institusi kewangan peserta dinasihati untuk memaklumkan perkara ini kepada pelanggan terlebih dahulu

26. Di manakah orang ramai boleh mendapatkan maklumat lanjut mengenai Skim ini?	• Orang ramai dinasihati supaya menghubungi terus pusat khidmat pelanggan institusi kewangan masing-masing untuk pertanyaan atau bantuan • Orang ramai juga boleh menghubungi pusat berikut di Bank Negara Malaysia untuk bantuan lanjut: **BNMLINK (Pusat Perkhidmatan Pelanggan)** Tingkat Bawah, Blok D, Bank Negara Malaysia Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur (Waktu Urusan: Isnin hingga Jumaat, 9.00 pagi hingga 5.00 petang) **BNMTELELINK (Pusat Perhubungan Pelanggan)** Tel: 1-300-88-5465 atau 1-300-88-LINK Faks: 03-2174 1515 E-mel: bnmtelelink@bnm.gov.my

Bank Negara Malaysia
19 Februari 2009